

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Khas Bilangan 7/2024

TARIKH : 17 Oktober 2024 (Khamis)

MASA : 9.00 pagi – 10.20 pagi

TEMPAT : Secara Dalam Talian (*GoogleMeet*)

4.3 Kertas JKPU Khas Bil.7/2024 (UK3) Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta – Cadangan Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

(a) Mesyuarat mengambil maklum :

- (i) Garis Panduan ini menerangkan tatacara pengurusan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang perlu dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Jabatan Universiti bagi memastikan pengurusan kenderaan dilaksanakan secara teratur, berkesan, dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- (ii) Garis Panduan ini terpakai untuk semua jenis Kenderaan Universiti, sama ada kenderaan sedia ada atau kenderaan baru.
- (iii) Kenderaan gunasama Universiti (KGU) adalah kenderaan yang dipusatkan di Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) khas untuk kegunaan warga UMPSA atau program rasmi UMPSA.
- (iv) Kenderaan gunasama jabatan (KGJ) ialah kenderaan Universiti yang dipinjamkan kepada PTJ berdasarkan keperluan semasa untuk operasi daan pentadbiran harian PTJ.
- (v) Kenderaan rasmi jawatan (KRJ) ialah kenderaan rasmi kepada pegawai-pegawai pengurusan utama Universiti merangkumi Pengurusan Tertinggi yang memegang jawatan pentadbiran Gred Jusa C/ Khas ke atas:
 - (1) Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
 - (2) Naib Canselor
 - (3) Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - (4) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - (5) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - (6) Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
 - (7) Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan

- (vi) Perincian tatacara penggunaan bagi setiap jenis kenderaan adalah sepertimana dalam garis panduan di perkara 3.
- (vii) Penggunaan Kenderaan Universiti juga perlu merujuk Pekeliling Kerajaan WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

(b) **Mesyuarat bersetuju:**

- (i) Meluluskan Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah sepertimana dalam kertas kerja di lampiran yang merangkumi Kenderaan Gunasama Universiti (KGU), Kenderaan Gunasama Jabatan (KGJ) dan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) dengan mengambil kira pandangan ahli JKPU sepertimana berikut :
 - (1) Pertimbangan untuk program-program 'ad hoc' yang memerlukan tempahan bas kurang daripada tujuh (7) hari bekerja tertakluk kepada sumber bas yang ada.
 - (2) Mana – mana jabatan atau pegawai yang melanggar Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ini boleh menyebabkan kemudahan kenderaan tersebut ditarik semula.
 - (3) Pegawai yang diperuntukkan dengan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) tidak boleh menggunakan Kenderaan Gunasama Jabatan (KGJ).
 - (4) Pegawai yang diperuntukkan dengan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) tidak dibenarkan membuat tuntutan perbatuan sekiranya menggunakan kenderaan sendiri kecuali mendapat kebenaran Pegawai Pengawal untuk kes-kes tertentu.

**Tindakan : Pengarah Pusat Pembangunan
& Pengurusan Harta**



Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Ke-246 Bilangan 25/2024

TARIKH : 11 Disember 2024 (Rabu)
MASA : 9.00 pagi – 1.00 petang
TEMPAT : Bilik Mesyuarat LPU, Aras 3, Canseleri Tun Abd Razak,
UMPSA Pekan

3.20 (Minit 4.3) JKPU Khas Bil.7/2024 (UK3) Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta – Cadangan Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- (a) Mesyuarat mengambil maklum :
- (i) Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah dimuat naik ke laman rasmi Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) UMPSA dan telah diedarkan melalui e-mel pada 4 November 2024 (Isnin) kepada warga UMPSA.

Makluman

